

**Sipitang Menanti Kunjungan Najib Pada Khamis  
Bernama  
14 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Persediaan kini rancak dijalankan bagi menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan melaksanakan majlis pecah tanah bagi projek Urea Ammonia Sabah (SAMUR) bernilai RM4.5 bilion di Sipitang pada Khamis.

Petronas akan membina sebuah kompleks baja bertaraf dunia di Banting melalui anak syarikat milik penuh, Petronas Chemicals Group.

Projek besar berkenaan dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

Penduduk Sipitang bakal menikmati pelbagai kesan limpahan ekonomi daripada projek tersebut.

Persediaan kini dibuat untuk menyediakan kemudahan kepada VIP, tetamu, pelawat dan kru media yang bertumpu di Sipitang.

Restoran pula bersedia untuk menerima perniagaan yang menggalakkan dengan orang luar bertumpu ke Sipitang bagi menyaksikan acara penting dalam sejarah pembangunan Sabah.

Kilang urea ammonia mega itu yang dijangka mula beroperasi pada 2015, akan merangsang aktiviti ekonomi yang luas dan industri hiliran dalam dan di sekitar bandar itu.

Dengan majoriti penduduknya masih terlibat dalam pertanian tradisional dan perikanan, penduduk Sipitang seramai kira-kira 35,000 itu dijangka meraih manfaat sebagaimana yang dinikmati rakyat Terengganu sekarang ini.

Kompleks petrokimia Petronas di Kerteh telah mengubah Kemaman kepada sebuah bandar yang rancak dengan lebih banyak hotel, restoran, perbandaran baru, sekolah, hospital, klinik dan tempat-tempat pelancongan.

Di samping mewujudkan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, SAMUR akan mewujudkan peluang bagi rakyat Sabah untuk meneroka ke dalam perniagaan berkaitan ammonia seperti melamin dan perekat.

SAMUR akan menghasilkan 1.2 juta tan urea butir setahun, dengan itu menjadikan Sabah sebagai salah satu pengeluar baja terbesar di rantau ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645678>